

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah SACOFA Sdn Bhd merupakan satu-satunya syarikat di Sarawak yang dibenarkan menyediakan infrastruktur telekomunikasi kepada penyedia perkhidmatan telefon bimbit. Adakah lesen syarikat ini diluluskan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan apakah kelayakan yang dibenarkan bagi menjadi penyedia perkhidmatan infrastruktur telekomunikasi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sacofa Sdn Bhd merupakan salah satu pemegang lesen Individu Pemberi Kemudahan Rangkaian [NFP (I)] di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 semenjak 11 Julai 2002. Setakat ini, terdapat 15 syarikat telekomunikasi yang berpusat di Sarawak yang memiliki lesen NFP (I) yang membolehkan syarikat-syarikat tersebut menyediakan infrastruktur telekomunikasi kepada pengendali rangkaian mudah alih.

Mana-mana syarikat yang berhasrat untuk memohon lesen Individu di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 haruslah diperbadankan di Malaysia dan memiliki modal berbayar sekurang-kurangnya RM500,000.00. Pelan perniagaan yang dimajukan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan dinilai secara terperinci dengan mengambilkira faktor-faktor seperti, latar belakang dan pengalaman barisan pengurusan syarikat, kepakaran teknikal yang dimiliki, kedudukan kewangan syarikat dan kemampuan untuk membiayai pelan perniagaan yang dicadangkan. Seterusnya, syor akan dikemukakan kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, lesen-lesen di bawah Akta 588 digubal agar bersifat neutral dari aspek teknologi dan perkhidmatan. Terma pelesenan Akta 588 juga membenarkan pemegang lesen menjalankan dan menguruskan aktiviti berkaitan pemasaran yang sekaligus mewujudkan peluang bagi meningkatkan lagi kesedaran dan memacu perkembangan industri.

Dalam hal ini, peluang adalah terbuka kepada mana-mana syarikat dari Sarawak untuk memohon lesen NFP(I) serta turut bersama-sama dalam pembangunan infrastruktur komunikasi dan seterusnya mewujudkan persaingan yang sihat dalam penyediaan infrastruktur komunikasi di Sarawak.